

Donald Trump bukan populis, tetapi perkauman, kata Obama
Free Malaysia Today
Jun 30, 2016

Obama berkata orang seperti Trump tidak layak digelar populis.

OTTAWA: Presiden Amerika Syarikat Barack Obama berkata beliau sudah letih mendengar gelaran “populis” yang diberikan kepada calon pilihan raya presiden dari Republikan, Donald Trump.

Sebaliknya, Obama yang secara terbuka mengutuk kenyataan retorik ahli perniagaan itu semalam menjelaskan pemimpin yang layak menerima gelaran “populis”.

Trump tidak memenuhi syarat tersebut, kata Obama, walaupun tidak menamakan calon Republikan itu.

“Orang ni... yang tidak pernah prihatin kepada pekerja, tidak pernah berjuang keadilan sosial atau memastikan kanak-kanak miskin mendapat kehidupan selesa dan perlindungan kesihatan, tidak memenuhi definisi itu,” kata Obama.

“Seseorang tidak tiba-tiba jadi populis hanya kerana kenyataan kontroversi bagi meraih undi. Itu bukan sukatan populis. Itu asabiyah, atau perkauman. Atau lebih teruk daripada itu. Malah, ia hanyalah perlakuan sinis.”

Obama berkata demikian ketika sidang akhbar bersama dengan Perdana Menteri Kanada, Justin Trudeau dan Presiden Mexico, Enrique Pena Nieto.

“Maaf,” kata beliau kepada kedua pemimpin itu.

“Ia merupakan hak seorang presiden yang akan berundur untuk meluahkan kemarahan sekali sekala.”

Trump sebelum ini mendapat sokongan cukup di kalangan Republikan bagi mewakili partinya menjadi calon presiden, selepas tampil dengan pelbagai janji mahu mengharamkan orang Islam dari memasuki negara itu, membina tembok di sempadan Mexico, dan pelbagai kenyataan kontroversi lain.

Obama menyatakan sokongannya kepada bekas setiausaha negara AS, Hillary Clinton, yang dijangka menjadi calon Demokrat.

-Reuters

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/30/donald-trump-bukan-populis-tetapi-perkauman-kata-obama/>